



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PROGRAM TOLERANSI SIFAR @ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL TERUSKAN JELAJAH KE PANTAI TIMUR

KUBANG KERIAN, 11 Nov - Program Toleransi Sifar Keganasan @Advokasi Antigangguan Seksual meneruskan siri jelajah ke Zon Timur pada hari ini. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Maziah Binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sebagai wakil rasmi Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Dewan Utama Kampus Kesihatan USM Kubang Kerian. Program ini telah dihadiri oleh 1200 orang peserta terdiri daripada pelajar Universiti dan Kolej di negeri Kelantan dan kawasan sekitar.

Penganjuran program Zon Timur merupakan lokasi zon ketiga selepas pelaksanaan di Zon Tengah dan Zon Selatan. Program Toleransi Sifar Antigangguan seksual yang dianjurkan KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) adalah satu inisiatif bagi memberikan kesedaran dan pendedahan kepada mahasiswa berkenaan Akta Antigangguan Seksual serta Pengoperasian Tribunal Bagi Antigangguan Seksual (TAGS). Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] yang telah diwartakan pada 18 Oktober 2022, merupakan suatu akta khusus untuk menangani kesalahan gangguan seksual agar tidak terus menjadi barah dalam kehidupan masyarakat.

Mahasiswa merupakan golongan yang turut berisiko terdedah kepada isu gangguan seksual. Normalisasi pelakuan ini sama ada secara terang-terangan atau jenaka akan meninggalkan kesan negatif termasuk trauma dan ketakutan yang berpanjangan. Justeru penerapan dalam diri berkaitan dengan pengetahuan dalam menangani situasi ini kalangan mahasiswa adalah amat kritikal dan sangat penting bagi memastikan mereka tahu apakah hak-hak dan tindakan yang perlu dilakukan dalam melindungi diri bagi memastikan kesejahteraan emosi dan psikologi mereka berada dalam keadaan yang sihat, selamat dan stabil.

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes keganasan terhadap wanita yang melibatkan keganasan rumah tangga jenayah rogol dan gangguan seksual di seluruh negara telah mencatatkan sebanyak 6,998 kes pada tahun 2021, manakala 6,627 kes pada tahun 2022, sebanyak 10,804 bagi tahun 2023 dan sehingga September 2024 sebanyak 4,217 kes telah direkodkan. Data statistik kes-kes gangguan seksual di negara ini masih di tahap membimbangkan.

KPWKM melalui JPW komited dalam menangani isu gangguan seksual dalam kalangan mahasiswa. Dalam sesi Town Hall bersama peserta, YBhg. Datuk Dr. Maziah menegaskan tentang keseriusan KPWKM dalam usaha menangani isu gangguan seksual dan menyeru semua pihak untuk bersama-sama berganding bahu menghentikan sebarang bentuk gangguan seksual di mana-mana sahaja demi mewujudkan sebuah persekitaran yang selamat dan harmoni serta memastikan sokongan holistik kepada mangsa dapat diberikan.

Menurut Ketua Pengarah JPW, Puan Hanani Binti Sapit, program ini adalah antara usaha advokasi berterusan dalam menyediakan platform kepada masyarakat selain membantu meningkatkan kesedaran kepada mangsa agar tampil untuk membuat laporan agar isu ini dapat ditangani dan dihentikan.

Turut hadir pada program hari ini ialah YBrs. Puan Hanani binti Sapit, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), YBrs Puan Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara (YKN), YBrs Dr Faridah binti Awang, Pengarah Institut Sosial Malaysia (ISM), YBhg. Profesor Dr. Shaiful Bahari Ismail, Pengarah Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM) dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan dan Agensi Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
11 NOVEMBER 2024**